



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID
BAHASA MELAYU
SEKOLAH KEBANGSAAN
TAHUN 3**

MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah berkeupayaan untuk:

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, memahami, dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- iv. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila;
- v. bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- vi. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila;
- vii. berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila;
- viii. membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;
- ix. membaca, memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- x. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul;
- xi. membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.
- xii. membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- xiii. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;

- xiv. menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- xv. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- xvi. menulis imlak dengan tepat.
- xvii. mencatat dan menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun;
- xviii. menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul;
- xix. mengedit dan memurnikan hasil penulisan;
- xx. menulis ulasan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber;
- xxi. menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan; dan
- xxii. menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas mendengar-bertutur, membaca dan menulis
2	Mengetahui dan memahami perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis
3	Mengetahui, memahami dan memberikan respons terhadap perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis
4	Mengetahui, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul
5	Memahami, menaakul dan memberikan respons/menyampaikan sesuatu perkara yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dalam pelbagai situasi dengan betul dan tepat
6	Memahami, menaakul dan menilai tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber yang didengar-ditutur, dibaca dan ditulis dengan bertatasusila

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
Lisan	1	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar, memahami dan menyebut frasa dan ayat dengan betul dan tepat.
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar, memahami dan menyebut ayat dengan struktur binaan ayat yang betul dan tepat.
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu arahan berdasarkan ayat perintah jenis permintaan dan ayat perintah jenis suruhan dengan betul. • Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu soalan yang mengandungi kata tanya dengan betul. • Mendengar, memahami dan memberikan respons dengan menyampaikan sesuatu pesanan dengan betul.
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Berkomunikasi menggunakan kata dan ayat yang betul dalam pelbagai situasi secara bertatasusila. • Bercerita dan menceritakan tentang sesuatu perkara dengan betul.
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat.
	6	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dan mengemukakan pandangan dan pendapat secara bertatasusila.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
Bacaan	1	<ul style="list-style-type: none"> Membaca dan memahami frasa dan ayat dengan sebutan yang betul.
	2	<ul style="list-style-type: none"> Membaca dan memahami ayat dalam perenggan dengan sebutan yang betul.
	3	<ul style="list-style-type: none"> Membaca pelbagai pola ayat dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahaminya. Membaca ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahaminya.
	4	<ul style="list-style-type: none"> Membaca, memahami dan menyatakan maklumat yang tersirat dengan betul.
	5	<ul style="list-style-type: none"> Membaca, memahami dan menaakul bahan grafik untuk menyampaikan maklumat kepada bentuk bukan grafik dengan betul.
	6	<ul style="list-style-type: none"> Membaca, memahami dan menaakul bahan grafik untuk memindahkan maklumat kepada bentuk bukan grafik dengan betul.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
Tulis	1	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.
	2	<ul style="list-style-type: none"> • Membina dan menulis pelbagai jenis ayat dengan betul.
	3	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil imlak ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan tanda baca dan ejaan yang tepat.
	4	<ul style="list-style-type: none"> • Mencatat maklumat yang betul mengikut susunan.
	5	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk pengumuman dengan betul dan bahasa yang santun.
	6	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan penulisan kreatif secara berpandu dengan betul.